



JABATAN PERKHIDMATAN AWAM MALAYSIA
BAHAGIAN PERKHIDMATAN
Aras 6-7, Blok C2, Kompleks C
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62510 W.P. PUTRAJAYA
MALAYSIA



*Pemenang Anugerah Kualiti
Perdana Menteri 2004
Pemenang Anugerah Perdana
Teknologi Maklumat 2006*



Tel. : 03-88853000/88854000
Faks : 03-88892205/2204/2202
Web : <http://www.jpa.gov.my>

Ruj.K ami : JPA(S)TT.7082 Jld 6(35)
Tarikh : 28 Disember 2005

Semua Ketua Setiausaha Kementerian

Y. Bhg. Tan Sri/Dato'Seri/Datuk/Dato'/Tuan,

**PERATURAN MENGENAI LARANGAN MEMINJAM WANG DAN BERADA
DALAM KETERHUTANGAN KEWANGAN YANG SERIUS KE ATAS
PEGAWAI AWAM**

Dengan hormatnya saya ingin menarik perhatian Y. Bhg. Tan Sri/Dato'Seri/Datuk/Dato'/Tuan kepada perkara di atas.

2. Sebagaimana Y. Bhg. Tan Sri/Dato'Seri/Datuk/Dato'/Tuan sedia maklum, Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) melalui surat bilangan JPA.SULIT (TT).7082(7) bertarikh 1 OGOS 2000 mengenai perkara yang sama, pernah memohon kerjasama semua Ketua Setiausaha kementerian memantau kedudukan pendapatan bersih pegawai masing-masing supaya tidak kurang daripada 40% dari emolumen bulanan agar mereka tidak termasuk dalam keadaan keterhutangan kewangan yang serius.

3. adalah didapati berdasarkan pemantauan JPA, perkara mengenai keterhutangan kewangan yang serius dan pendapatan bersih yang kurang daripada 40% ini masih merupakan isu yang perlu ditangani di kalangan pegawai awam. Mengikut peraturan mengenai pinjaman wang dan had maksimum potongan gaji pegawai awam, semua pegawai awam adalah dikehendaki supaya mematuhi peraturan-peraturan berikut.

3.1 Peraturan 12, Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib)1993

Di bawah Peraturan ini, pegawai awam dilarang meminjam wang daripada mana-mana orang khususnya yang menjalankan perniagaan pemberian pinjaman wang. Pegawai awam hanya

boleh meminjam wang daripada institusi kewangan yang berlesen dengan syarat-syarat tertentu.

3.2 Peraturan 13, Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib)1993

Di bawah Peraturan ini, Pegawai Awam tidak boleh menyebabkan dirinya berada dalam keterhutangan yang kewangan yang serius khususnya berdasarkan tiga keadaan berikut:

- i) Agregat hutang dan liabilitinya yang tak bercagar pada bila-bila masa tertentu melebihi jumlah wang sebanyak sepuluh kali emolumen bulanannya;
- ii) Pegawai seorang penghutang penghakiman dan hutang penghakiman itu belum lagi dijelaskan dalam tempoh satu bulan dari penerimaan perintah bermeterai penghakiman itu; atau
- iii) pegawai seorang bankrap atau seorang pemakan gaji tak solven.

3.3 Pekeliling Perbendaharaan Bil 7 dan 8 tahun 1993 (Pinjaman Kenderaan)

Ansuran potongan bulanan tidak melebihi 1/3 daripada gaji pokok dan jumlah semua potongan gajinya termasuk ansuran potongan pembiayaan kenderaan berkenaan tidak melebihi 60% dari gaji pokok serta elaun-elaun.

3.4 Pekeliling Perbendaharaan Bil. 10 Tahun 1994 (Pinjaman Perumahan)

Amaun ansuran bulanan pembiayaan berkenaan hendaklah tidak lebih 40% daripada gaji hakiki pegawai.

3.5 Pekeliling Perbendaharaan Bil. 8 Tahun 1992 (Pinjaman Komputer)

Ansuran potongan bulanan tidak melebihi 1/3 daripada gaji pokok dan jumlah semua potongan gajinya tidak melebihi 60 % dari gaji pokok serta elaun-elaun.

Berdasarkan syarat had potongan gaji bagi ansuran bulanan yang dinyatakan di bawah Pekeliling-Pekeliling Perbendaharaan tersebut, dapatlah dirumuskan

bahawa pada dasarnya pendapatan bersih pegawai awam hendaklah berada pada sekurang-kurangnya pada paras minimum 40% daripada emolumen bulanan mereka. Mengenai pinjaman wang pula, selain mendapatkan pinjaman daripada jabatan, di bawah Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993, semua pegawai awam dibenarkan meminjam wang daripada institusi kewangan, penanggung insurans atau koperasi dengan syarat agregat hutang tidak menyebabkan pegawai berada dalam keterhutangan kewangan yang serius.


4. Sehubungan dengan ini, sukalah mendapat kerjasama pihak Y. Bhg. Tan Sri/Dato'Seri/Datuk/Dato'/Tuan agar dapat membuat pemantauan berterusan ke atas pendapatan bersih pegawai bagi memastikan mereka mempunyai had pendapatan bersih minimum yang ditetapkan supaya mereka tidak berada di dalam keterhutangan kewangan yang serius. Sehubungan dengan ini, Y. Bhg. Tan Sri/Dato'Seri/Datuk/Dato'/Tuan hendaklah juga memastikan pegawai yang bertanggungjawab dalam urusan kewangan memahami dan melaksanakan peraturan tersebut dan melaporkan perkara ini terus kepada pihak Y. Bhg. Tan Sri/Dato'Seri/Datuk/Dato'/Tuan jika terdapat pegawai yang tidak mematuhi peraturan peraturan yang ditetapkan itu.

5. Di atas kerjasama Y. Bhg. Tan Sri/Dato'Seri/Datuk/Dato'/Tuan dalam perkara ini diucapkan terima kasih jua.

Sekian, dimaklumkan.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menurut perintah,



(DATO' SRI ISMAIL ADAM)

Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam
Malaysia